



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **WARGA WP KUALA LUMPUR MENDAPAT PENDEDAHAN BERKENAAN PENGURUSAN STRATA YANG LEBIH MELUAS DAN KOMPREHENSIF**

**KUALA LUMPUR, 18 Ogos 2015** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor menyempurnakan Majlis Perasmian Seminar Komuniti Strata Wilayah Persekutuan 2015 “Ke Arah Komuniti Strata Yang Mampan” di sini. Seminar ini merupakan kerjasama di antara Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi memberi pendedahan dan penekanan berkenaan penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang telah diwartakan pada 8 Februari 2013 dan dikuatkuasakan pemakaianya bagi Wilayah Persekutuan pada 1 Jun 2015.

2. Sedia maklum bahawa Akta 757 yang berkaitan dengan peruntukan penyelenggaraan, pengurusan bangunan dan harta bersama telah menggantikan Akta 663 yang digubal pada tahun 2007. Melalui Akta 757 ini akan dapat mengurangkan banyak kekeliruan dan ketidakseragaman dalam pengurusan bangunan berstrata dan dapat membantu menyelesaikan masalah penduduk rumah bertingkat. Oleh yang demikian Akta 757 ini digubal bagi melancarkan pengurusan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) dalam menyelesaikan masalah komuniti strata yang sering berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Berdasarkan statistik hingga bulan Ogos 2015, seramai 1.2 juta orang atau 66% daripada penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berjumlah 1.8 juta adalah merupakan komuniti strata.

3. Sebanyak 759 buah dan 2821 MC telah ditubuhkan dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan beroperasi dengan cemerlang dalam menangani permasalahan yang dihadapi berkaitan dengan pengurusan bangunan dan komuniti strata ini. Dengan komitmen yang diberikan oleh JMB dan MC, Datuk Bandar Kuala Lumpur selaku Pesuruhjaya Bangunan (COB) juga dapat bertindak dalam mengawal selia bangunan berstrata dengan berkesan dan mengatasi masalah sikap dan salah faham sesetengah pihak berkaitan tanggungjawab pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata. Pada tahun 2014, COB telah mengawal selia hampir 5,000 kawasan pemajuan yang meliputi 400,000 petak atau unit kediaman dan komersial serta industri.
4. Setiap JMB dan MC yang hadir dalam seminar ini akan diberikan insentif one-off sebanyak RM 2,000.00. Penyaluran peruntukan ini akan dilakukan melalui Electronic Fund Transfer (EFT). Sebagai dorongan kepada ahli jawatankuasa JMB dan MC untuk menyusun dan melaksanakan aktiviti pengurusan serta kerja-kerja penyenggaraan bangunan dengan mantap. Pemilik petak juga perlu mempunyai sifat tanggungjawab bersama (*collective responsibility*) dan berusaha memupuk suasana harmoni dan nilai-nilai murni agar kerja-kerja pengurusan dan penyenggaraan dapat dijalankan dengan baik oleh pihak pengurusan dan seterusnya memberi perkhidmatan yang terbaik kepada semua pemilik.
5. Segala usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dapat memberikan impak positif kepada rakyat keseluruhannya terutama kepada penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang tinggal di bangunan berstrata. Justeru itu diharap warga Wilayah Persekutuan khususnya di Kuala Lumpur dapat memberikan sokongan kepada segala usaha baik dan inisiatif Kerajaan serta memberikan kerjasama yang padu ke arah kehidupan di kotaraya yang lebih kondusif dan selesa.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
18 Ogos 2015  
Kuala Lumpur